

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan pelan transformasi nelayan zon A kepada zon B, C dan C2 serta langkah-langkah menggalakkan tekong dan pemilik bot B, C dan C2 di Kawasan Pantai Barat adalah di kalangan warganegara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12), Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah merangka pelan transformasi nelayan zon A kepada zon B, C dan C2 melalui Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan. Program ini dijangka dapat menggalakkan nelayan tradisional zon A untuk bertukar kepada vesel fiber yang lebih moden dan selamat atau menukar peralatan menangkap ikan kepada peralatan yang moden dan mesra sumber.

2. Bermula tahun 2021, Program Pemodenan Vesel telah diperuntukan sebanyak RM100 juta yang akan ditawarkan dalam bentuk pinjaman kepada pengusaha/pemilik vesel melalui Agrobank

SOALAN NO : 13

pada kadar 3.5% (*flat rate*). Pinjaman ini juga terbuka kepada pemilik/pengusaha vesel yang berminat untuk bertukar zon yang lebih jauh iaitu dari zon B kepada zon C dan C2 (laut dalam). Sebanyak RM50 juta juga telah diperuntukan bagi Program Mekanisasi dan Automasi Perikanan Tangkapan dalam bentuk geran padanan.

3. Kebergantungan kepada tenaga kerja asing merupakan salah satu cabaran dalam sektor perikanan laut dalam di Malaysia kerana persepsi bahawa sektor ini adalah 3D iaitu kotor, berbahaya dan sukar. Bagi mengatasi masalah ini, pemilik vesel laut dalam dibenarkan antara lain untuk menggajikan tekong/kru warganegara asing untuk bekerja di atas vesel penangkapan ikan tempatan. Dari segi pemilikan vesel, ianya dimiliki sepenuhnya oleh rakyat tempatan.

4. Dalam usaha menggalakkan penggunaan tekong tempatan khususnya di Pantai Barat, Kerajaan akan meneliti beberapa cadangan baharu setelah sesi libat urus bersama *stakeholders* diadakan untuk menilai kebolehlaksanaan cadangan tersebut antaranya:

- i. meneruskan usaha sedia ada dalam memperkenalkan gaji minimum dan komisyen berdasarkan hasil tangkapan;
- ii. menyediakan kemudahan asas di atas vesel seperti tandas dan bilik tidur bagi keselesaan kru tempatan melalui pemodenan vesel;
- iii. insentif/pegecualian cukai kepada pengusaha/syarikat bagi menggalakkan penggunaan kru warganegara atau pelajar akademi atau kolej perikanan; dan
- iv. meneruskan inisiatif untuk menaiktaraf pusat latihan dan peralatan kapal dan latihan kapal sedia ada.

Sekian, terima kasih.